



UPM hasilkan inovasi interaktif cegah kes mati lemas pertama di dunia

# Modul Water Safety

Melihat kepada isu lemas di negara ini yang semakin meningkat, penyelidik dari Jabatan Pengajian Sukan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Tengku Fadilah Tengku Kamelden mengambil inisiatif mencipta inovasi yang dapat menangani isu tersebut selari saranan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Pelan Tindakan Majlis Keselamatan Aktiviti Air 2016-2020.

Inovasi *Certified Online Course (COC) Water Safety* merupakan modul kursus Keselamatan Air secara dalam talian interaktif pertama di dunia menggunakan pendekatan 'pembelajaran sosial' melibatkan interaksi antara pelajar dan pakar atau fasilitator secara langsung.

Selain bahasa Inggeris, ia merupakan kursus pertama seumpamanya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan.

Inovasi yang mendapat dua hak cipta dan cap dagangan ini, mempunyai empat modul merangkumi keselamatan berhampiran air, kemahiran asas menyelamatkan diri, mencapai peralatan yang ada untuk



Keselamatan di kolam renang.

menyelamat, teknik-teknik menyelamatkan mangsa dan bertindak sewajarnya dalam situasi kecemasan akuatik.

Tengku Fadilah berkata, antara inovasi terdapat dalam modul ini adalah teknik apungan yang perlu diketahui setiap individu dan teknik menggunakan tali untuk menyelamatkan mangsa lemas.

"Masyarakat sering menganggap bahawa untuk menyelamatkan diri sendiri atau orang lain, kita perlu mahir untuk sekurang-kurangnya pandai berenang, tetapi sebenarnya berenang tidak menjamin untuk selamat daripada lemas. Sebaliknya teknik apungan sangat penting dan dapat membantu bagi mengelakkan menjadi mangsa lemas.

"Tali juga dapat dijadikan alat untuk



Keselamatan di laut.

menyelamatkan individu daripada lemas yang kebanyakannya kita tak tahu. Dalam modul ini, kami akan ajar teknik-teknik untuk menggunakan tali bagi menyelamatkan mangsa daripada lemas," katanya selepas majlis menandatangani Perjanjian Perlesenan UPM Innovation Sdn Bhd dan Openlearning Global (M) Inovasi COC Water Safety, di UPM, baru-baru ini.

Majlis turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan 1, Datuk P Kamalanathan; Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Ketua Pegawai Eksekutif OpenLearning Global (M) Sdn Bhd, Adam Brimo.

## Potensi besar

Antara modul lain yang menarik adalah pembelajaran ketika berada di tempat aktiviti sukan air, keperluan memakai jaket pelampung air, teknik mendarat di tepi pantai dan lain-lain yang patut diketahui dan diberi pendedahan.

Kelebihan COC Water Safety adalah kaedah pembelajaran mudah dan interaktif di mana ilmu praktikal boleh didapati secara atas talian dan tidak perlu ke kolam renang.

Selain itu, pelajar dapat berkongsi pengalaman sesama mereka, bertukar pendapat, komunikasi efektif sesama guru dan rakan, mewujudkan komuniti, pendedahan luas sesuatu tempat hasil perkongsian ilmu, belajar secara fleksibel tanpa had masa dan belajar di mana-mana, malah setiap modul mudah difahami.

Pada akhir kursus, pelajar akan mendapat sijil diiktiraf oleh Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia



Penggunaan alat keselamatan semasa di air.

Info

## KURSUS DALAM TALIAN BERSIJIL KESELAMATAN AIR (COC Water Safety)

Projek bermula: Julai 2016

Ahli kumpulan terlibat: Prof Madya Dr Tengku Fadilah (Ketua Projek), Dr Teng Siew Lian dan Geh Thuan Tek Geran: Tiada spesifik. Pembiayaan awal oleh Fakulti Pengajian Pendidikan dan CADE UPM

Sasaran pengguna: Pelajar sekolah, pendidik, penjaga kanak-kanak dan ibu bapa

Aplikasi industri: Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelancongan

Harga: RM80 berserta sijil dari UPM dan OpenLearning disahkan PPKM.

(PPKM).

Menyedari potensi besar inovasi ini dalam pembangunan pendidikan, OpenLearning Global (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat antarabangsa yang menawarkan perkhidmatan atau platform pembelajaran dalam talian kepada komuniti telah mengambil langkah untuk menjalin hubungan strategik bersama UPM bagi mengkomersialkan inovasi tersebut melalui kaedah

perlesenan harta intelek melalui anak syarikat UPM, UPM Innovation Sdn Bhd.

Adam berkata, OpenLearning amat berbesar hati, menjadi sebahagian daripada usaha membantu meningkatkan kesedaran keselamatan air dengan menjadikan pengalaman pembelajaran lebih senang, mudah diakses dan fleksibel.

"COC Water Safety membolehkan pelajar, guru, penyelia pelancongan dan orang awam belajar serta berinteraksi dalam talian dengan rakan sekursus cara menarik dan bermakna - tidak kira umur, pengalaman atau pengetahuan keselamatan air.

"Kami berasa bangga dapat merealisasikan inovasi teknologi ini bersama UPM dan Putra Future Classroom," katanya.

Kursus ini ditawarkan dalam talian 24 jam dan boleh diakses dengan mendaftar di [keselamatanair.com.my](http://keselamatanair.com.my).



Kamalanathan (tengah), diberikan penerangan mengenai keselamatan di air.



Pertukaran dokumen antara Pengerusi UPM Innovation Sdn Bhd, Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah dan Adam, disaksikan Kamalanathan dan tetamu kehormat.



Kursus menyelamatkan mangsa lemas.